



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
**SERI PADUKA BAGINDA**  
**DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil 39  
No. 11

1hb Jun 1995

TAMBAHAN No. 35  
PERUNDANGAN (A)

**P.U. (A) 182.**

**AKTA BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN 1989**

**PERINTAH BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN  
(BANK SIMPANAN NASIONAL) (PENGECCUALIAN) 1995**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 118(1)  
Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Menteri—

Akta 372.

- Akta 146.
- (a) dalam menimbangkan fakta bahawa Bank Simpanan Nasional, suatu badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan 1974 dan menjalankan perniagaan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 5 Akta itu, tidak dilarang oleh dokumen-dokumen konstituennya daripada memperolehi kepentingan dalam syer dalam bank berlesen dan bahawa pemerolehan kepentingan dalam syer dalam bank berlesen itu olehnya tidaklah tak selaras dengan perniagaan yang dijalankan olehnya; dan
- (b) setelah berpuas hati bahawa ia tidak akan memudaratkan penggalakan struktur kewangan yang kukuh di Malaysia atau berlawanan dengan kepentingan awam,

atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Bank Simpanan Nasional) (Pengeccualian) 1995** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 17 Mac 1993.

Nama dan mula  
berkuatkuasa.

more than 20 per centum but not more than 22.6 per centum in Kewangan KGN Berhad, a licensed finance company.

Made the 27 April 1995.

[S(8.02) 248/2-55 (SJ. 98); PN. (PU<sup>2</sup>) 479/VI.]

ANWAR IBRAHIM,  
*Minister of Finance*

*(To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 118(1) of the Banking and Financial Institutions Act 1989.)*

**P.U. (A) 193.**

AKTA AKAUNTAN 1967

PERINTAH AKAUNTAN (PINDAAN) 1995

*Akta 94.* PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 14(7) Akta Akauntan 1967, Menteri, selepas meminta nasihat Institut, membuat perintah yang berikut:

*Nanti dan mula berkuatkuasa.* 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Akauntan (Pindaan) 1995** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb April 1991.

*Pindaan Jadual Pertama.* 2. (a) Akta Akauntan 1967 adalah dipinda dalam Bahagian 1 Jadual Pertama dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (g) dengan koma bertitik dan perkataan "or"; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

“(h) the final examination of Universiti Islam Antarabangsa for the Degree of Bachelor of Accounting (Honours) or, in the national language, ‘peperiksaan akhir Universiti Islam Antarabangsa untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)’.”.

Dibuat pada 29 April 1995.

[ANM (T) Sulit 26/69 Pt. 7(14); PN. (PU<sup>2</sup>) 229.]

ANWAR IBRAHIM,  
*Menteri Kewangan*

ACCOUNTANTS ACT 1967

ACCOUNTANTS (AMENDMENT) ORDER 1995

*Act 94.* IN exercise of the powers conferred by subsection 14(7) of the Accountants Act 1967, the Minister, after seeking the advice of the Institute, makes the following order:

*Citation and commencement.* 1. This order may be cited as the **Accountants (Amendment) Order 1995** and shall be deemed to have come into force on the 1st April 1991.

2. (a) the Accountants Act 1967 is amended in Part 1 of the First Schedule by substituting for the full-stop at the end of paragraph (g) a semicolon and the word "or"; and Amendment of First Schedule.

(b) by inserting after paragraph (g) the following paragraph:

"(h) the final examination of Universiti Islam Antarabangsa for the Degree of Bachelor of Accounting (Honours) or, in the national language, 'peperiksaan akhir Universiti Islam Antarabangsa untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)'."

Made the 29 April 1995.

[ANM (T) Sulit 26/69 Pt. 7(14); PN. (PU<sup>2</sup>) 229.]

ANWAR IBRAHIM,  
*Minister of Finance*

## P.U. (A) 194.

### AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

#### PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECEUALIAN) (No. 14) 1995

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967, Menteri membuat perintah yang berikut: Akra 53.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 14) 1995.** Nama.

2. (1) Menteri mengecualikan Malaysia Airports Berhad daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan semua pendapatan (kecuali pendapatan dividen) bagi tahun taksiran 1996. Pengecualian.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan sebagai telah melepaskan Syarikat tersebut daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau untuk memberi apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 berkenaan dengan pendapatan yang dikecualikan di bawah Perintah ini.

Dibuat pada 3 Mei 1995.

[Perb. (8.09)248/40/7-869; PN. (PU<sup>2</sup>) 80/XXII;  
JHDN.01/35/(S)/42/51/231-3 Klt.5.]

ANWAR IBRAHIM,  
*Menteri Kewangan*

(Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967.)